

Taman Tasik Kulim diperindah untuk tarikan pelancong

► Kulim

Wajah pekan Kulim bakal berubah berikutan pelbagai usaha menambah baik bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan kawasan tumpuan sempena Tahun Melawat Kedah 2016.

Ahli Parlimen Kulim/Bandar Baharu, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata selain pekan Kulim, antara kawasan yang menjadi tumpuan ialah Taman Tasik Kulim.

Beliau berkata, bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah turut dibaik pulih termasuk rumah Pegawai Daerah Kulim di Jalan Bukit Awi, di sini, yang akan dijadikan Muzium Tokoh Kedah.

Menurut beliau, rumah Pega-

wai Daerah Kulim itu dibina sejak sebelum merdeka.

Kerja pengindahan taman tasik

“Premis ini pernah didiami Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, ketika bertugas sebagai Pegawai Daerah, di sini.


“Majlis Perbandaran Kulim

(MPKK) dan Pejabat Daerah Kulim akan melakukan kerja penambahbaikan di lokasi lain yang dikenal pasti termasuk Taman Tasik Kulim yang kini menjalani kerja pengindahan, selain dilengkapi kemudahan rekreasi.

“Bagi memantau keindahan kawasan berkenaan, kami menubuhkan kumpulan sukarelawan dikenali sebagai ‘Geng Tasik Kulim’ (GTK) dianggotai wakil masyarakat setempat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Cintailah Sungai dan Tasik Kita, di Taman Tasik Kulim, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Setiausaha MPKK, Musthafa Mohamad dan Jurutera Jabatan Pengairan



Abdul Aziz (kanan) melawat **Taman Tasik Kulim.**
[FOTO AZAHAR, HASHIM/BH]

dan Saliran (JPS) Daerah Kulim/Bandar Baharu, Mohd Idrus Amir.

GTK pantau persekitaran

Abdul Aziz berkata, GTK memantau persekitaran kawasan tasik yang menjadi tumpuan lebih 15,000 penduduk setempat untuk beriadah terutama pada waktu

pagi dan petang.

“Taman Burung juga antara lokasi tumpuan yang akan diselenggarakan dengan sempurna, selain kawasan rekreasi arus deras Sungai Sedim sebagai pusat tarikan pelancongan,” katanya yang mengesahkan akan mengemukakan peruntukan berjumlah RM12 juta untuk tujuan itu.

FAKTA NOMBOR

RM12 juta

peruntukan selenggara
Taman Tasik Kulim